

Kini timbul isu bendera putih di negara kita. Ada yang membantah dan ada yang mengambil kesempatan untuk menunjukkan kerajaan gagal.

## CATATAN PUBLIUS CORNELIUS TACITUS

Mengikut catatan Publius Cornelius Tacitus iaitu seorang penulis Rom, mengibar bendera putih dalam sesuatu peperangan merupakan simbol kepada penyerahan kalah. Menerusi buku *Historiae* yang ditulis oleh beliau, bendera putih telah digunakan dalam Pertempuran Cremona yang Kedua, yang terjadi antara bangsa Vitellia dan Vespasia pada Oktober tahun 69 masihi. Pihak Vespasia telah mengibarkan bendera putih sebagai tanda kekalahan dan menyerah diri.



## ZAMAN DINASTI HAN TIMUR




Ada tulisan yang menyebut bahawa dalam zaman Dinasti Han Timur di China sekitar tahun 220 masihi, warna putih adalah simbol kematian dan berkabung, ia juga menjadi simbol kesedihan.

## KERAJAAN ISLAM

Di dalam Kerajaan Islam sendiri sejarah menunjukkan Kerajaan Umayyah menggunakan warna putih sebagai memperingati peperangan Badr dan Nabi Muhammad S.A.W.

## TANAH MELAYU



Di Tanah Melayu pula iaitu pada tahun 1867, di Pulau Pinang, terjadi pertembungan kongsi gelap antara bendera putih yang dinaungi kongsi gelap Ghee Hin dan bendera merah

yang mewakili Toh Peh Kong. Sejarah ini ditulis dalam buku tulisan Profesor Dr Mahani Musa yang berjudul, "Malays and the Red and White Flag Societies in Penang, 1830s-1920s"

## DALAM PEPERANGAN



Dalam peperangan, bendera putih ialah warna 'cease fire', bertujuan untuk rundingan, gencatan senjata atau boleh juga digunakan sebagai simbol kekalahan.

## COVENTION GENEVA

Dalam Convention Geneva, "Practice Relating to Rule 58, Improper Use of White Flag of Truce", melarang salahguna bendera putih yang sepatutnya digunakan sebagai gencatan senjata dan penyerahan kalah tetapi digunakan tipuhelah dalam peperangan.



## ISTANA DIRAJA BELGIUM

Pada bulan Mac 2020, Istana Diraja Belgium di Brussels mengibar bendera putih sebagai sokongan dan terima kasih kepada frontliners, barisan hadapan petugas yang menangani covid19.

## PENGAJARAN



Bendera putih tidak perlu dijadikan isu besar.



Pelbagai terjemahan boleh dibuat terhadap bendera putih.



Perkara penting adalah membantu kesusahan bukan mainkan isu bendera putih.

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

"Saling membantulah atas kebaikan dan takwa dan janganlah membantu atas dosa dan permusuhan."

(Al-Maidah : 2)